



**PESERTA** antarabangsa mengambil peluang sempena persidangan dan pameran untuk bertukar maklumat bersama delegasi UMS.

## **UMS sertai persidangan, pameran akademik**

**NST 3.4.2019**

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi salah sebuah institusi pendidikan tinggi yang telah menyertai persidangan dan pameran akademik antarabangsa anjuran Asia-Pacific Association for International Education (APAIE) yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) baru-baru ini.

UMS yang diketuai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Rasid Hj Mail bersama-sama dengan Pengarah Pusat Pengantarabangsaan dan Penglibatan Global, Prof Dr Ho Chung Mun dan beberapa delegasi dari UMS merupakan antara lebih 2,000 delegasi dari serata dunia yang mengambil bahagian dalam persidangan dan pameran tersebut.

Menurut Prof. Dr. Rasid, penyertaan persidangan ini membuka peluang buat UMS untuk meningkatkan jalinan hubungan antarabangsa universiti.

"Pada dasarnya, APAIE bertujuan untuk mengumpulkan para pendidik, universiti dan organisasi yang berkai-

tan dengan pendidikan tinggi di Asia Pasifik untuk mempromosikan komunikasi, rangkaian dan pembangunan profesional.

"Persatuan ini memainkan peranan penting dalam memudahkan pertukaran dan pergerakan pelajar, kakitangan dan pakar, dan perkembangan kerjasama akademik antara wilayah, di samping menggalakkan amalan terbaik menerusi jalinan kerjasama yang diwujudkan dalam kalangan pelbagai institusi dan agensi terlibat yang sekali gus mewakili dan mempromosikan pandangan rantau Asia Pasifik mengenai pendidikan antarabangsa ke seluruh dunia," katanya.

Mengetengahkan tema "Diversity and Inclusivity of Higher Education in the Asia-Pacific" atau Kepelbagaian dan Keterangkuman Pendidikan Tinggi di Asia Pasifik, para delegasi mengambil peluang sepenuhnya untuk membuat lawatan ke ruang pameran dari institusi lain sambil bertukar maklumat dan idea sepanjang lima hari program tersebut berlangsung.